

Tarikh Dibaca: 24 Jun 2016

KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

***“TENTERA BADAR PAHLAWAN
MITHALI”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"TENTERA BADAR PAHAWAN MITHALI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَلَقَدْ نَصَرْكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذْلَةٌ
فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْ صِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Surah ali Imran ; 123



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan di kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat.

Sempena memperingati peristiwa peperangan Badar yang berlaku dalam Bulan Ramadhan iaitu pada 17 Ramadhan tahun kedua hijrah, marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "**TENTERA BADAR PAHLAWAN MITHALI**".

Hadirin muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Kelebihan dan keistimewaan tentera Badar adalah kerana beberapa faktor. Faktor utamanya adalah kerana peperangan Badar itu sendiri adalah peperangan pertama di dalam sejarah umat Islam. Ia menjadikan peristiwa ini sebagai sangat penting dalam membina keyakinan sebuah umat yang baharu bangkit ketika itu. Seterusnya, kemenangan di dalam perang Badar itu telah memberikan imej yang sangat baik, menggerunkan musuh dan menjadikan umat Islam sebagai masyarakat baru yang disegani oleh manusia sezaman. Tambahan pula, perang ini berlaku pada saat umat Islam masih di peringkat awal perkembangan mereka. Negara Islam Madinah pula masih baru dan sentiasa mendapat ancaman dari musuh-musuh di luar.

Faktor kedua adalah kerana para sahabat yang terlibat dalam perang ini telah menunjukkan kesungguhan, kesetiaan dan komitmen yang tinggi kepada Rasulullah SAW sebagai pemimpin mereka. Walaupun perancangan dan sasaran awal gerakan mereka adalah untuk menyekat rombongan dagang Abu Sufyan sudah terlepas, mereka tetap bersama Rasulullah SAW. Walaupun terpaksa berhadapan dengan kumpulan tentera dari Mekah yang



lebih besar jumlahnya, mereka tidak meninggalkan Rasulullah SAW, mahupun mengkritik baginda pada perubahan sasaran yang terjadi dengan kehendak Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal, ayat 7:

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الْطَّাءِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ
وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ
وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تُحَقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَتِهِ وَيَقْطَعَ دَابِرَ
الْكَفِرِينَ

"Dan (ingatlah) ketika Allah menjanjikan kepada kamu salah satu dari dua angkatan, menjadi untuk kamu (menghadapinya), sedang kamu suka kiranya (angkatan perniagaan) bukan angkatan (perang) yang mempunyai kekuatan itu yang dijadikan untuk kamu (menghadapinya). Padahal Allah menghendaki untuk menetapkan yang benar (agama Islam) dengan Kalimah-kalimah-Nya, dan untuk membinasakan kaum yang kafir seluruhnya".

Walaupun berhadapan dengan realiti yang sangat pahit dan risiko besar yang mengejutkan, mereka tetap bersabar dan kekal bersama Rasulullah SAW. Inilah tekad mereka yang telah zahir pada ungkapan sahabat al-Miqdad bin al-Aswad. Pada saat genting menghadapi perubahan kumpulan musuh itu, beliau berkata kepada Rasulullah SAW:



نُقَاتِلُ عَنْ يَمِينِكَ وَعَنْ شِمَالِكَ وَبَيْنَ يَدِيْكَ وَخَلْفِكَ

“...Kami akan berperang di kanan dan kirimu, di depan dan belakangmu”.

(Imam al-Bukhari).

Faktor ketiga adalah kerana tentera Badar telah melalui ujian yang sangat memeritkan. Jumlah mereka hanyalah 313 orang dan terpaksa berhadapan dengan musuh yang jauh lebih ramai, iaitu 1000 orang.

Ini menjelaskan kepada kita betapa sabarnya mereka dan betapa kuatnya pergantungan mereka kepada Allah SWT. Walaupun menghadapi musuh yang lebih ramai, mereka tetap yakin dengan kekuasaan Allah dan pertolongan dari-Nya. Keyakinan dan pergantungan inilah yang menyebabkan pertolongan Allah SWT diturunkan berupa tentera malaikat. Ini seperti yang digambarkan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 9;

إِذْ تَسْتَغْيِثُونَ رَبّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمْدُّكُمْ
بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ

“(ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu ia perkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya): “Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang datang berturut-turut”.

Muslimin sekalian,



Marilah kita mencontohi sifat-sifat terpuji yang ada pada tentera Badar. Justeru, setiap Muslim hendaklah memiliki keazaman dan keinginan untuk mempertahankan agamanya walaupun dengan nyawa sekalipun. Kerinduan pada syurga dan keinginan untuk mati syahid akan menghilangkan rasa bimbang dan ketakutan ketika berhadapan dengan musuh.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَغْزُ وَلَمْ يُحَدِّثْ بِهِ نَفْسَهُ مَاتَ
عَلَى شُعْبَةِ مِنْ نِفَاقٍ

"Sesiapa yang mati dalam keadaan tidak pernah berperang (jihad) dan tidak pernah bercita-cita untuk berjihad, dia mati pada salah satu cabang munafik".

(Imam Muslim).

Hadis ini menggalakkan kita agar sentiasa mempersiapkan diri dengan kesungguhan dan komitmen untuk mempertahankan agama. Ia tidak bermakna kita disuruh membunuh orang lain dan berperang secara melulu dan tanpa kefahaman yang betul. Bahkan, ia adalah motivasi agar kita sentiasa meletakkan kepentingan agama melebihi segala-galanya dalam hidup kita sepetimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika hendak mula bertempur dengan musuh;

لَا تَمَنُوا لِقَاءَ الْعَدُوِّ، فَإِذَا لَقِيْتُمُوهُمْ فَاصْبِرُوا



"Janganlah kamu bercita-cita hendak bertemu musuh. Jika kamu sudah bertemu dengan mereka, maka bersabarlah".

(Imam al-Bukhari dan Muslim).

Demikianlah sifat tentera Badar yang menjadi kumpulan terbaik dan contoh bagi generasi kemudian. Mereka menghimpunkan sifat berani, yakin dengan Allah SWT, patuh kepada pimpinan dan sabar menghadapi sebarang realiti dan risiko dalam menegakkan agama Allah SWT.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Dari huraian khutbah hari ini, dapatlah kita simpulkan bahawa umat Islam hendaklah mencontohi pahlawan mithali yang memiliki ciri-ciri berikut;

1. Umat Islam hendaklah mempunyai keyakinan dan kebergantungan yang tinggi kepada Allah SWT dalam segala hal.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa bersifat ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa patuh dan taat kepada kepimpinan tentera dalam menghadapi ujian-ujian yang getir.
4. Umat Islam hendaklah mendahulukan kepentingan ummah daripada hanya kepentingan individu dan kumpulan-kumpulan tertentu sahaja.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ
وَءَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُؤْفَ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ
لَا تُظْلَمُونَ

"Sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya."

(Surah al-Anfal : 60).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



Muslimin yang dirahmati Allah sekelian,

Dalam membuat persiapan menyambut Idulfitri Al-Mubarak kali ini, sekali lagi mimbar mengucapkan selamat menyambut Idulfitri dan berhati-hati memandu ketika pulang ke kampung halaman. Justeru, perlu diingat bahawa kadar kemalangan sebagaimana yang telah dilaporkan adalah pada tahap yang amat membimbangkan kita. Ianya semakin meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan perangkaan tahun 2010 sehingga 2015 yang telah dikeluarkan oleh Polis diraja Malaysia.

Sepanjang tahun 2015 sahaja, sebanyak 489,606 kes kemalangan jalanraya telah berlaku dengan jumlah melebihi 6 ribu kemalangan maut yang mengakibatkan hampir 7 ribu kematian kepada pengguna jalanraya di seluruh Malaysia. Secara puratanya, kemalangan yang meningkat melebihi 13 ribu kes berbanding tahun 2014 yang lalu merekodkan bahawa kemalangan berlaku pada kadar melebihi 1300 kes sehari dengan kehilangan hampir 20 nyawa sehari sepanjang tahun 2015.

Oleh itu, elakkanlah diri kita semua daripada terlibat dengan nahas dan kerugian yang tidak diduga tersebut agar diri dan seluruh ahli keluarga dapat sama-sama mengecapi nikmat dan kegembiraan dalam menyambut hariraya nanti.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا
الَّذِينَ كَفَرُوا لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا صَلَوَةُ الْمُسْلِمِ تَسْلِيمٌ اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ



الْمُرْسَلِينَ وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَانِيَّةَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ سُلْطَانِ
سَلَّاعُورَ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ أَعْوَنَ وَالْهَدَائِيَّةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ



سَلَامُ عُورَ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامَ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
10.06.2016